



**MESYUARAT JAWATANKUASA KESELAMATAN, PESEKITARAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (JPKPKP)
FAKULTI KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI MEKANIKAL (FKTM)
BIL.2-2023**

Tarikh : 1 Ogos 2023 (Selasa)
Masa : 10:00 pg – 1:00 ptg
Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga, FKTM A

Agenda:

1. Kata aluan pengerusi JPKPKP FKTM
2. Pembentangan minit mesyuarat JPKPKP FKTM 2/2023
3. Usul-usul pekerja untuk mesyuarat JPKPKP FKTM 3/2023
4. Laporan audit pemantauan KKP tahun 2023
5. Rumusan pemeriksaan penilaian di tempat kerja 3/2023
6. Pembentangan status terkini oleh penyelaras pengurusan bahan kimia
7. Pembentangan status terkini oleh penyelaras-penyelaras buangan terjadual
8. Pembentangan status terkini oleh penyelaras pasukan tindak balas kecemasan
9. Pembentangan status terkini dan perancangan 2023 oleh penyelaras keselamatan mekanikal
10. Hal-hal berbangkit
11. Penutup oleh pengerusi JPKPKP FKTM

Senarai kehadiran ahli JPKPKP-FKTM

BIL	NAMA	KEHADIRAN	
1	Prof. Ir. Dr. Mohd Shukry Abdul Majid	Hadir	3/3
2	Ts. Dr. Syamir Alihan Showkat Ali	Hadir	2/3
3	Ts. Dr. Tan Wee Choon	Hadir	3/3
4	En. Hasrul Nizam Halim	Hadir	2/3
5	Ts. Dr. Hj. Nor Zaiazmin Yahya	Hadir	2/3
6	En. Masri Zairi Mohd Zin	Hadir	3/3
7	En. Muhamad Qauyum Zawawi Ahmad Suffin	Hadir	3/3
8	Ts. Muhammad Khairy Md Naim	Tidak hadir dengan maaf	2/3
9	Tc. Narzrezal Abdul Razak	Hadir	2/3
10	En. Rosiswardi Rusli	Hadir	3/3
11	En. Norzarul Asri Kamis	Hadir	2/3
12	Ts. Dr. Mohd Zamzuri Mohammad Zain	Hadir	2/2
13	Dr. Lee Yit Leng	Hadir	1/2
14	Ts. Dr. Tan Chye Lih	Hadir	2/2
15	Ts. Liyana Jamaludin	Hadir	1/2

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
1	<p><i>Kata aluan pengerusi JPKPKP-FKTM</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Mengucapkan selamat pagi dan mengalu-alukan kedatangan semua yang hadir. 2. Pengerusi menerangkan kepentingan anjuran mesyuarat JPKPKP di peringkat FKTM setiap 3 bulan. 	- -
2	<p><i>Pembentangan minit mesyuarat JPKPKP FKTM 2/2023</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 2.2. Setiausaha memaklumkan proses pengambilan semula tandatangan ahli sebagai bukti kehadiran ahli telah dilakukan untuk minit-minit mesyuarat JPKPKP FKTM bil. 1 dan bil.2 untuk tahun 2023. Setelah selesai proses tersebut, salinan minit-minit mesyuarat akan dikemaskini di laman sesawang JPKPKP FKTM. 4.6 PEMBETULAN : Pada mesyuarat JPKPKPFKTM bil. 2 tahun 2023, ahli-ahli memperagui kesahihan data pengukuran pencahayaan dengan menggunakan applikasi "Light Meter" serta kesahihan bacaan berdasarkan telefon pintar yang berlainan model. 	- -

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
4.7	Luxmeter yang digunapakai oleh COSHE adalah brand Hanna Instruments model HI 97500. Akan tetapi, luxmeter ini berharga RM 907 seunit (harga yang terpapar dalam laman sesawang). Perbincangan pembelian luxmeter akan diadakan semasa agenda hal-hal berbangkit.	-
4.8	Penambahbaikan pemeriksaan penilaian di tempat kerja secara dalam talian telah dilakukan. Akan tetapi, masih belum mencapai sasaran yang ditetapkan.	Setiausaha
4.9	JPERT menyatakan bahawa link kepada prosedur yang berkaitan telah disediakan dan dikongsikan antara FKTM B dan FKTM C. Akan tetapi, semasa pemeriksaan penilaian di tempat kerja bil. 3 tahun 2023 masih mendapati bahawa tiada penambahbaikan yang dikesan. Wakil PLV di kampus UniCITI selaku ketua wakil ERT di FKTM C diminta untuk ambil maklum dan lengkapkan setiap makmal dengan prosedur kecemasan.	JPERT & wakil PLV kampus UniCITI
4.10	Penambahbaikan telah dilakukan ke atas sistem atas talian untuk pemeriksaan penilaian di tempat kerja yang menfokuskan kepada makmal/bengkel yang tiada sistem pengesan kebakaran.	-
4.11	Masalah pengudaraan di FKTM C5 dan C7 telah dikemukakan dalam usul ke mesyuarat JKPP induk UniMAP bil. 2/2023.	-
4.12	Masalah keadaan lantai di FKTM B7 dan B8 telah dikemukakan dalam usul ke mesyuarat JKPP induk UniMAP bil. 2/2023.	-
5.4	Selepas berbincang dengan timbalan dekan (kebajikan pelajar dan alumni), pendedahan kursus-kursus kompetensi keselamatan kepada pelajar telah dicadangkan kepada COSHE untuk adakan semasa sesi minggu suaikenal bermula kemasukan program diploma sidang akademik 2023/2024. Akan tetapi, berdasarkan kepada keadaan sebenar untuk minggu suaikenal pengajian diploma sidang akademik 2023/2024, perkara ini masih belum dilaksanakan. Setiausaha akan berhubung dengan COSHE berkaitan dengan perkara ini dan diharapkan dapat dijalankan semasa minggu suaikenal pengajian ijazah sarjana muda sidang akademik 2023/2024 nanti.	Setiausaha
6.2	JPKPKP telah dijemput untuk anjuran bersama dan diperuntukkan satu slot untuk membuat promosi JPKPKP. Detail akan dibincangkan semasa agenda hal-hal berbangkit.	-
7.2	En. Muhamad Qauyum Zawawi Ahmad Suffin memaklumkan bahawa telah membelikan 4 unit CCTV untuk 2 makmal di FKTM C yang terlibat. Pemasangan salah satu unit CCTV di makmal FKTM C1 telah dijalankan. Akan tetapi, wifi yang digunakan adalah dari makmal sebelah didapati kurang stabil. Setelah perbincangan dengan DMDC, DMDC mencadangkan untuk membeli router (tanggungjawab FKTM) dan membuat tetapan agar tiada akses kepada orang ramai. Pada masa yang masa, cadangan pembelian untuk kad ingatan dan kabel sambungan diperlukan dan telah mendapat persetujuan dekan FKTM dan semua ahli.	En. Muhamad Qauyum Zawawi Ahmad Suffin
8.4	Peranan-peranan JPKPKP FKTM telah disediakan dalam Whatsapp JPKPKP dan Google Drive JPKPKP selepas mesyuarat JPKPKP bil. 2. Peranan-peranan JPKPKP telah dipersetujui dan diluluskan oleh semua ahli. Pencadang : En. Masri Zairi Mohd Zin Penyokong : Ts. Dr. Mohd Zamzuri Mohammad Zain	-
16.1.7	COSHE berjanji untuk mengemukakan laporan penutupan untuk laporan-laporan NCR yang berjaya ditutupkan. Manakala untuk laporan-laporan NCR yang memerlukan siasatan lanjutan, COSHE akan teruskan siasatan mereka pada lawatan audit yang akan datang.	-
1.	Minit mesyuarat JPKPKP FKTM bil. 2 bagi tahun 2023 telah diluluskan dengan pembetulan. Pencadang : En. Muhamad Qauyum Zawawi Ahmad Suffin Penyokong : Ts. Dr. Hj. Nor Zaiazmin Yahya	-
	Usul-usul pekerja untuk mesyuarat JPKPKP FKTM 3/2023	
3	1. Setiausaha menerangkan kaedah-kaedah mengemukakan usul-usul pekerja kepada JPKPKP dan memaklumkan bahawa setiap usul yang dikemukakan akan dibincangkan dalam mesyuarat JPKPKP FKTM.	-

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<ol style="list-style-type: none"> 2. Tiada sebarang usul yang dikemukakan melalui kod QR yang terdapat di poster atau laman web JPKPKP FKTM. 3. Tiada sebarang usul yang dikemukakan melalui wakil-wakil pekerja di JPKPKP FKTM. 4. Wakil-wakil pekerja dipohon untuk mempromosi mekanisme yang sediaada kepada semua staf FKTM (tanpa ambil kira jawatan staf). Sebarang usul yang diterima akan dibincangkan dalam mesyuarat JPKPKP FKTM. 	<p style="text-align: center;">-</p> <p style="text-align: center;">-</p> <p style="text-align: center;">Wakil-wakil pekerja JKKP</p>
4	<p>Laporan audit pemantauan KKP tahun 2023</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Lawatan audit pemantauan KKP untuk tahun 2023 oleh COSHE telah dilakukan pada 14 Jun 2023 di FKTM B2 – Bengkel Mekanikal 2. Disebabkan tiada pengurusan bahan kimia dan buangan terjadual di FKTM B2, pemantauan KKP ini telah dikembangkan ke FKTM B1 – Bengkel Mekanikal 1. 2. Sebanyak 0 major NCR, 4 minor NCR dan 2 OFI telah didapati oleh COSHE. Minor NCR yang diterima perlu melakukan tindakan penambahbaikan dalam tempoh 30 hari, manakala OFI yang diterima perlu dilaksanakan sehingga audit yang berikut. 3. 4 minor NCR yang diterima meliputi pelupusan buangan terjadual dan pengurusan bahan kimia. <ol style="list-style-type: none"> 1. Peraturan-peraturan kualiti alam sekeliling (buangan terjadual) 2005 - Peraturan 9 : Penstoran pengeluaran buangan <ol style="list-style-type: none"> 9(1) Buangan terjadual hendaklah distorkan dalam bekas-bekas yang sesuai dengan buangan terjadual yang hendak distorkan, tahan lasak dan yang boleh mencegah pertumpahan atau kebocoran buangan terjadual ke alam sekeliling. 9(3) Bekas-bekas yang mengandungi buangan terjadual hendaklah sentiasa ditutup sepanjang penstoran kecuali apabila perlu menambah atau mengeluarkan buangan terjadual itu. 2. Peraturan-peraturan kualiti alam sekeliling (buangan terjadual) 2005 - Peraturan 10 : Pelabelan buangan terjadual <ol style="list-style-type: none"> 10(1) Tarikh bila buangan terjadual dikeluarkan buat kali pertama, nama, alamat dan nombor telefon pengeluaran buangan hendaklah dilabelkan dengan jelas atas bekas-bekas yang digunakan untuk menstorkan buangan terjadual itu. 10(2) Bekas-bekas buangan terjadual hendaklah dilabelkan dengan jelas mengikut jenis yang terpakai baginya sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga dan ditandakan dengan kod buangan terjadual sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama bagi maksud pengenalan dan amaran. 10(3) Tiada seorang pun dibenarkan untuk mengubah tanda dan label yang disebut dalam subperaturan (1) dan (2) 3. Garis panduan pembungkusan, pelabelan dan penyimpanan sisa terjadual di Malaysia, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Januari 2014 - Peraturan 8: Pengendalian bekas yang mengandungi buangan terjadual <ol style="list-style-type: none"> 8(8) Bekas buangan terjadual hendaklah distorkan di dalam stor yang mempunyai kelebaran lorong yang mencukupi bagi memastikan pekerja dan peralatan mempunyai akses yang mudah ke kawasan simpanan. Pengisian buangan ke dalam bekas tidak tegar hendaklah dilakukan sedekat yang mungkin dengan tempat buangan dihasilkan. 4. Peraturan (USECHH) 2000 – Risalah data keselamatan kimia <p>Seseorang majikan yang menerima bekalan bahan kimia berbahaya kepada kesihatan yang baginya bahan kimia itu tidak dilabelkan atau risalah data keselamatan kimia tidak disediakan, hendaklah memperoleh maklumat berkaitan daripada pembekal dan tidak boleh menggunakan bahan kimia itu sehingga maklumat sedemikian diperoleh.</p> <p>Peraturan (USECHH) 2013 – Kewajipan mengemukakan helaian data keselamatan (4) Pembekal hendaklah menyemak helaian data keselamatan yang disebut dalam subperaturan (1) jika (a) terdapat maklumat baharu mengenai bahan kimia berbahaya yang tertentu; (b) lebih daripada lima tahun telah berlalu sejak tarikh terakhir penyediaan atau penyemakan helaian data keselamatan itu; atau (c) diarahkan sedemikian oleh pegawai.</p> 	<p style="text-align: center;">-</p> <p style="text-align: center;">-</p> <p style="text-align: center;">Semua</p> <p style="text-align: center;">JPBT</p> <p style="text-align: center;">JPBT</p> <p style="text-align: center;">JPBT</p> <p style="text-align: center;">JPBK</p>

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
4.	<p>2 OFI yang diterima meliputi pelan tindakan kecemasan dan pelupusan buangan terjadual.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pelan tindakan kecemasan <ul style="list-style-type: none"> • Identifikasi first-aider di tempat kerja • Rekod penyelenggaraan • Latihan kompetensi ERT • Semakan keperluan first-aid tahunan 2. Pelupusan buangan terjadual <ul style="list-style-type: none"> • Rekod inventori SW disimpan selama 3 tahun dari tarikh SW dihasilkan <p>5. Turut didapati bahawa dua daripada minor NCR yang diterima merupakan kejadian yang pernah disebutkan dalam NCR semasa laporan penutupan lawatan audit pemantauan KKP yang lepas. Setiausaha menyarankan kepada semua ahli yang terlanjak dalam JPCKPKP FKTM untuk memainkan peranan masing-masing di peringkat FKTM untuk memastikan tahap pengurusan risiko keselamatan yang optimum.</p>	<p>Semua</p> <p>JPERT</p> <p>JPBT Semua</p>
5	<p>Rumusan pemeriksaan penilaian di tempat kerja 3/2023</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pemeriksaan penilaian di tempat kerja bil.3 untuk tahun 2023 yang digunakan merupakan sistem dalam talian yang dibangunkan berdasarkan borang pemeriksaan penilaian yang disediakan oleh COSHE. 2. Pemeriksaan penilaian di tempat kerja bagi bil. 3 tahun 2023 meliputi pejabat FKTM, 15 makmal/bengkel FKTM A, 8 makmal/bengkel FKTM B, dan 19 makmal/bengkel FKTM C dari 17 hingga 28 Julai 2023. Makmal FKTM A18 adalah dikecualikan daripada proses pemeriksaan penilaian atas status makmal ini tiada sebarang mesin/peralatan dan makmal ini sedang bersiap sedia untuk menerima mesin/peralatan dari FKTM C. 3. Sebanyak 118 soalan telah ditanyakan dalam 52 halaman melalui Google Form yang dibangunkan. Pembantu jurutera yang ditugaskan di makmal/bengkel yang terlibat perlu membuat pemeriksaan penilaian secara sendiri. Untuk setiap pembantu jurutera adalah ditemani oleh setiausaha JPCKPKP untuk kali pertama membuat pemeriksaan penilaian di tempat kerja secara dalam talian. 4. Terdapat satu soalan yang berkaitan dengan pensijilan SIRIM ke atas kabel sambungan yang digunakan dalam makmal/bengkel telah ditambahkan susulan daripada lawatan akreditasi untuk program teknologi kejuruteraan mekanikal (pemprosesan bahan) pada 11 – 12 Julai 2023. 5. FKTM A (termasuk pejabat) : 3/16 makmal berstatus Tahap 6, 12/16 makmal berstatus Tahap 5, dan 1/16 makmal berstatus Tahap 4. 6. FKTM B : 1/8 makmal berstatus Tahap 5, 4/8 makmal berstatus Tahap 4, dan 3/8 makmal berstatus Tahap 3. 7. FKTM C : 10/19 makmal berstatus Tahap 5, dan 9/19 makmal berstatus Tahap 4. 8. Dekan FKTM menyeru semua yang terlibat untuk menolong mana-mana makmal/bengkel yang bertahap 1, 2 atau 3 yang mana mempunyai jawapan yang berstatus amaran melebihi 20 jawapan berstatus amaran dalam pemeriksaan penilaian di tempat kerja. 9. Setiausaha menyeru agar tiada sebarang denda dikenakan kepada mana-mana makmal/bengkel yang mempunyai banyak jawapan berstatus amaran agar maklum balas yang diberikan oleh para pembantu jurutera semasa proses pemeriksaan penilaian di tempat kerja adalah berdasarkan keadaan semasa dan sebenar agar risiko keselamatan di tempat kerja dapat dikesan oleh pengurusan FKTM. 10. 43 makmal FKTM mengakui menghadapi masalah untuk soalan 2.1 – “<i>Adakah semua staf telah menjalani Induksi Umum Keselamatan Tempat Kerja?</i>”. Sebagai maklumbalas, JPCKPKP FKTM telah memohon kepada COSHE untuk adakan kursus kompetensi keselamatan ini. Kempen kesedaran bakal diberikan kepada semua staf. 11. 42 makmal FKTM mengakui menghadapi masalah untuk soalan 2.2 – “<i>Adakah semua staf menjalani Kursus Keselamatan Bangunan dan Kebakaran?</i>”. Sebagai maklumbalas, JPCKPKP FKTM telah memohon kepada COSHE untuk adakan kursus kompetensi keselamatan ini. Kempen kesedaran bakal diberikan kepada semua staf. Perhatian perlu diberikan kepada 1 makmal yang menjawab tiada bermasalah. 	<p>-</p> <p>-</p> <p>-</p> <p>-</p> <p>-</p> <p>-</p> <p>-</p> <p>Semua</p> <p>-</p> <p>-</p> <p>-</p>

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<p>12. 25 makmal FKTM mengakui tiada rekod dilakukan ke atas ujian peralatan kecemasan di soalan 9.5(b). Sebagai cadangan, semua pembantu jurutera telah disaran untuk merekodkan segala kerja ujian dan kerja maintenance dalam rekod maintenance makmal.</p> <p>13. 22 makmal FKTM mengakui hadapi masalah untuk soalan 3.4(f) – “Adakah pencahayaan di tempat kerja mencukupi?”. Hasil dapatan yang sama telah dibincangkan dalam mesyuarat JPKPKP bil. 2/2023. Perkara ini akan dibincangkan selanjutnya semasa agenda hal-hal berbangkit.</p> <p>14. 15 makmal FKTM mengakui hadapi masalah untuk soalan 9.1 – “Adakah terdapat prosedur kecemasan?”. Hasil dapatan yang sama telah dibincangkan dalam mesyuarat JPKPKP bil. 2/2023. Perkara ini memerlukan perhatian daripada JPERT dan wakil PLV di kampus UniCITI seperti yang dinyatakan dalam agenda sebelum ini.</p> <p>15. Semua ahli telah bersetuju agar pemeriksaan penilaian di tempat kerja untuk kitar yang akan datang diserahkan kepada ketua PLV dan dibantu oleh pembantu jurutera kanan di zon masing-masing. Setiausaha akan melakukan pemeriksaan penilaian bersama pasukan ini sebelum menyerahkan kepada pasukan ini untuk menemani para pembantu jurutera yang ditugaskan di setiap makmal/bengkel.</p> <p>16. Semua penyelaras pengurusan risiko diminta untuk meneliti rumusan pemeriksaan penilaian di tempat kerja dan mengambil inisiatif untuk fokus kepada satu atau dua perkara yang major untuk ambil tindakan dan mempertingkatkan pengurusan risiko yang terbabit.</p>	<p>Wakil-wakil PLV</p> <p>-</p> <p>JPERT & wakil PLV kampus UniCITI</p> <p>Setiausaha, wakil-wakil PLV</p> <p>JPBT, JPBK, JPERT, JPKM</p>
6	<p>Pembentangan status terkini oleh penyelaras pengurusan bahan kimia</p> <p>1. Penyelaras pengurusan bahan kimia menyatakan bahawa taklimat keselamatan bahan kimia telah diberikan kepada para pelepas FYP terutamanya program kejuruteraan. Setiausaha memohon untuk mengadakan taklimat keselamatan bahan kimia kepada para pelajar FYP dalam sidang akademik yang baharu.</p> <p>2. Kemaskini status pendaftaran & perolehan bahan kimia telah dilakukan sehingga bulan Jun 2023. Setiausaha memperingati bahawa terdapat keperluan untuk mengenalpasti SDS yang melebihi 5 tahun dan memerlukan kemaskini SDS yang baharu. Dimaklumkan bahawa SDS dalam rekod adalah didapati sekurang-kurangnya tarikh SDS adalah pada tahun 2018.</p> <p>3. Penyelaras pengurusan bahan kimia mencadangkan kepada JPKPKP FKTM untuk membeli kit-kit tumpahan bahan kimia. Kit-kit ini dapat digunakan semasa kejadian tumpahan bahan kimia. Pasukan pengurusan bahan kimia diseru untuk menyediakan prosedur tumpahan bahan kimia dan dibentangkan dalam mesyuarat JPKPKP FKTM akan datang.</p> <p>4. Masih terdapat kekurangan dalam pematuhan peraturan label bahan kimia terutamanya pada bekas bahan kimia yang disediakan dari bekas asal bahan kimia untuk kegunaan. Dicadangkan untuk menyediakan template untuk memudahkan pengguna/pemilik bahan kimia untuk label bekas-bekas bahan kimia. Setiausaha mencadangkan untuk mempertimbangkan penempahan kertas-kertas label (kosong) agar pasukan pengurusan bahan kimia boleh cetak kertas label dengan mesin cetak di FKTM dan kertas-kertas label yang siap cetakan logo (siap dipotong) dan maklumat yang memerlukan kod warna.</p> <p>5. Terdapat keperluan untuk menyediakan paparan ingatan amaran atau bahaya yang berwarna merah dengan latar belakang putih di pintu-pintu laluan masuk makmal/bengkel yang mempunyai bahan kimia berstatus amaran atau bahaya.</p> <p>6. Terdapat keperluan untuk pembelian kabinet-kabinet berdasarkan kelas untuk penyimpanan bahan kimia serta keperluan untuk memasang sistem ventilation pada setiap kabinet penyimpanan bahan kimia. Anggaran kos sistem ventilation adalah sekitar RM 3000 /unit dengan kos penyelenggaraan lapisan penapis RM 1000 setahun/unit. Penyelaras pengurusan bahan kimia diminta untuk kaji semula tempat-tempat penyimpanan bahan kimia di sekitar FKTM A dan FKTM B dengan mengambilkira pemindahan FKTM C ke kampus Pauh.</p> <p>7. Terdapat keperluan untuk meneliti prosedur penyelenggaraan ke atas fasiliti pancuran mandian keselamatan serta stesen cuci mata yang terdapat di sekitar</p>	<p>JPBK</p> <p>-</p> <p>JPBK</p> <p>JPBK</p> <p>JPBK</p> <p>JPBK</p> <p>JPBK</p>


BIL.	PERKARA	TINDAKAN
8.	<p>FKTM. Penyelaras pengurusan bahan kimia diminta untuk kaji keperluan pemasangan fasiliti pancuran mandian keselamatan atau stesen cuci mata di FKTM B berdasarkan penggunaan bahan kimia di FKTM B.</p> <p>Penyelaras pengurusan bahan kimia diminta untuk mencadangkan budget pembelian yang terlibat untuk tahun 2024 kepada pihak pengurusan FKTM pada mesyuarat JPKPKP FKTM bil. 4 tahun 2023.</p>	JPBK
7	<p><i>Pembentangan status terkini oleh penyelaras-penyelaras pengurusan buangan terjadual</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pengurusan buangan terjadual FKTM di Kampus Pauh dan kampus UniCITI pada fasa 1 telah dilakukan 22 may 2023. Untuk fasa 2, tiada sebarang maklumat terkini yang diterima. 2. Dimaklumkan bahawa sekitar 4.95 kg buangan terjadual SW421 yang terdapat di FKTM kampus Pauh dan sekitar 30 kg buangan terjadual SW 421 di FKTM kampus UniCITI telah didaftarkan. Terdapat buangan terjadual SW429 didapati di FKTM kampus UniCITI yang mana bahan kimia telah melepasi tarikh luputnya akan dikumpulkan dan diproses untuk proses pelupusan. 3. Didapati bahawa terdapat keperluan untuk kemaskini label stor buangan terjadual berdasarkan peruntukan undang-undang dan garis panduan penyimpanan buangan terjadual di UniMAP. 4. Penyelaras-penyelaras pengurusan buangan terjadual diseru untuk kaji semula keperluan untuk menyediakan stor buangan terjadual sementara yang baharu di makmal/bengkel sekitar FKTM A dan FKTM B dengan mengambil kira pemindahan FKTM C ke kampus Pauh. 5. Penyelaras-penyelaras pengurusan buangan terjadual diminta untuk mencadangkan budget pembelian (sekiranya perlu) untuk tahun 2024 kepada pihak pengurusan FKTM pada mesyuarat JPKPKP FKTM bil. 4 tahun 2023. 	<p>-</p> <p>-</p> <p>JPBT</p> <p>JPBT</p> <p>JPBT</p>
8	<p><i>Pembentangan status terkini oleh penyelaras pengurusan pasukan tindak balas kecemasan</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Berdasarkan laporan-laporan dan minit mesyuarat post-mortem untuk katihan pengungsian bangunan di zon C4 (FKTM A), terdapat keperluan untuk penambahan ahli-ahli baharu dalam carta ERT. <ol style="list-style-type: none"> 1. Ketua aras <ul style="list-style-type: none"> • Buat sementara waktu hanya seramai 4 ahli yang ditugaskan dalam ketua aras/ ketua blok. • Dicapadangkan untuk menambah seorang staf dari pejabat agar melicinkan proses pemastian pengungsian bangunan terutamanya ruangan guna sama di sekitar pejabat FKTM. • En. Zambri bin Ibrahim yang diamanahkan untuk prose penempahan ruangan guna sama telah dicadangkan dan mendapat persetujuan dekan FKTM dan semua ahli. • Tambahan juga, dicadangkan untuk tukar profile dari pasukan bantuan mula kepada ketua aras/ketua blok untuk melicinkan proses pengungsian bangunan dan membuat headcount di tempat berkumpul. • En. Shukri bin Nordin dan En. Mohamad Jasmin bin Shaari telah dicadangkan penukaran profile. Cadangan ini telah disetujui oleh dekan FKTM dan semua ahli. 2. Pasukan kawalan trafik <ul style="list-style-type: none"> • Zon C4 (FKTM A) mempunyai 2 pintu laluan yang utama. Setiap laluan utama ini memerlukan minima 2 ahli pasukan kawalan trafik di mana seorang ditugaskan untuk mengawal trafik di laluan tersebut dan seorang lagi perlu memberi panduan kepada agensi luar seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia untuk sampai ke destinasi kejadian dari pintu laluan utama. • Dimaklumkan bahawa terdapat 3 orang sukarelawan: Capt. Muhammad Khairi bin Md Naim (FKTM), Pn. Noor Fazreen binti Bakar (FKTEN) dan Dr. 	<p>-</p> <p>-</p> <p>-</p>

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<p>Muhamad Faizal bin Yusof (PKU) bersedia untuk dilantik sebagai ahli pasukan kawalan trafik di zon C4.</p> <ol style="list-style-type: none"> 2. Surat lantikan ahli-ahli baharu dalam FKTM dan surat makluman penukaran profile akan diisukan oleh setiausaha JPKPKP dan masa terdekat. Pada masa yang sama carta pasukan ERT juga akan dikemaskinikan. 3. Dipohon wakil PLV kampus Pauh untuk ambil maklum dan menyerahkan carta-carta pasukan ERT yang baharu untuk menggantikan carta pasukan ERT sediaada di setiap makmal/bengkel di FKTM A. 4. Turut dicadangkan untuk pembelian 2 unit pembesar suara mudah alih untuk membantu memanggil, mengumpul dan menyusun peserta/penghuni dalam barisan mengikut aras di tempat berkumpul. Cadangan ini telah dipersetujui oleh dekan FKTM dan semua ahli. Sekiranya kos melebihi RM500 seunit, dicadangkan untuk teruskan pembelian pada tahun 2024. 5. Turut dicadangkan untuk mengadakan kursus pertolongan cemas kepada semua ahli pasukan bantu mula. Turut dicadangkan untuk kembangkan peserta kursus kepada semua pembantu jurutera yang ditugaskan di FKTM memandangkan mereka diamanahkan sebagai pengawai bantu mula di makmal/bengkel yang ditugaskan. 6. Dimaklumkan bahawa pengurusan tertinggi universiti telah bersetuju bahawa segala kursus pertolongan cemas hanya perlu membuat permohonan kepada PKU. Permohonan kursus pertolongan cemas akan diproses dalam masa terdekat. 7. Pasukan tindakan balas kecemasan memaklumkan bahawa terdapat keperluan pembelian barricade tape, tape keselamatan, banner, poster dan sebagainya yang berkos rendah. Diharapkan pihak pengurusan kewangan FKTM dapat mempertimbangkan pembelian ini tanpa memerlukan sebarang kertas kerja. Wakil majikan (pejabat) memaklumkan bahawa adalah dibenarkan untuk kes sebegini dengan syarat pembelian di bawah RM200. 	<p>Setiausaha</p> <p>Wakil PLV kampus Pauh</p> <p>JPERT</p> <p>JPERT</p> <p>JPERT/ Setiausaha</p> <p>JPERT</p>
9	<p><i>Pembentangan status terkini dan perancangan 2023 oleh penyelarasan pengurusan keselamatan mekanikal</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Dimaklumkan bahawa Jabatan Pembangunan akan kemaskini status untuk semua pemadam api di bawah tanggungan mereka. 2. Dimaklumkan bahawa pemercik api (fire sprinkler) akan dijalankan proses penyelenggaraan setiap 2 bulan di UniMAP oleh Jabatan Pembangunan. 3. Sijil kelayakan untuk mesin mampat adalah dikendalikan sepenuhnya oleh COSHE, manakala penyelenggaraan adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Pembangunan. Akan tetapi, terdapat 4 unit mesin mampat di bawah pembelian FKTM adalah di bawah tanggungan FKTM. Walaupun tanggungjawab di bawah FKTM, kos pembaharuan sijil kelayakan masih di bawah COSHE. Kos penyelenggaraan mesin mampat adalah sebanyak RM 900/mesin dan perlu dilakukan setiap 2 tahun. Berdasarkan jadual pembaharuan sijil kelayakan, 4 unit mesin mampat (tanggungan FKTM) akan luput pada tahun 2024. 4. Akibat daripada perubahan dalam akta yang berkaitan dengan kapasiti minimum yang memerlukan sijil kelayakan, terdapat beberapa mesin pemampat di FKTM yang menghadapi masalah untuk memperolehi sijil kelayakan. Mesin-mesin pemampat kategori ini sudah diberhentikan daripada operasi. Proses pemutihan mesin pemampat telah dilakukan dengan bantuan COSHE. Dimaklumkan proses pemutihan mesin pemampat masih berlaku. 	<p>-</p> <p>-</p> <p>JPKM</p> <p>JPKM</p>
10	<p><i>Hal-hal berbangkit</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. En. Muhamad Qauyum Zawawi Ahmad Suffin memaklumkan bahawa semasa minggu ulangkaji semester 2 sidang akademik 2022/2023 terdapat beberapa kejadian pencerobohan masuk ke bilik-bilik pensyarah di kampus UniCITI. Susulan dari kejadian pencerobohan, didapati bahawa beberapa peralatan elektronik yang tersimpan dalam bilik pensyarah telah hilang. Perkara ini akan diusulkan ke mesyuarat JKKKP induk UniMAP dengan dilampirkan laporan polis agar ambil pertimbangan untuk memasang CCTV atau memperketatkan tahap keselamatan yang sediaada di kampus UniCITI. 	<p>Setiausaha</p>

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
2.	Dekan FKTM menyeru agar kerusi yang rosak dalam FKTM agar dilupuskan akibat daripada kerosakan. Penyediaan kerusi yang rosak mungkin mendatangkan risiko keselamatan terutamanya pengguna tidak ketahui atas status kerosakannya.	Wakil-wakil PLV
3.	Dr. Lee Yit Leng mencadangkan untuk pembelian penapis kabinet penyimpanan bahan kimia yang mana boleh menapis hazard inorganic dan ammonia. Bahan-bahan kimia yang digunakan di makmal-makmal FKTM C mempunyai kedua-dua hazard ini. Anggaran kos penapis ini adalah sekitar RM 35000 seunit. Pasukan pengurusan bahan kimia diminta untuk meneliti cadangan ini dengan cadangan pembelian kabinet penyimpanan bahan kimia dengan mengambil kira pemindahan mesin/peralatan dari FKTM C ke kampus Pauh.	JPBK
4.	Dr. Lee Yit Leng menyatakan bahawa makmal FKTM C13 mempunyai luxmeter, akan tetapi julat pengukurannya tidak dapat dikenalpastikan. Setiausaha dicadangkan untuk membuat pengukuran dengan luxmeter sediada (makmal FKTM C13) dengan luxmeter dari COSHE untuk menentukan samada boleh digunapakaikan. Sekiranya boleh, proses penentuan perlu dijalankan sebelum pengukuran sebenar. Pembelian luxmeter adalah ditangguhkan.	Setiausaha
5.	Semasa pemeriksaan penilaian di tempat kerja di makmal-makmal FKTM C, proses pemeriksaan pemadam api sedang dijalankan. Didapati bahawa terdapat makmal yang tiada kelengkapan pemadam api semasa lawatan akibat daripada proses pemeriksaan pemadam api sedang dijalankan. Satu usul penambahbaikan proses pemeriksaan pemadam api perlu diwujudkan semasa lantikan kontraktor pemeriksaan pemadam api. Pemeriksaan pemadam api secara berperingkat perlu dilakukan dengan penyediaan pemadam api sementara waktu untuk menggantikan pemadam api yang bakal menjalani proses pemeriksaan.	Setiausaha
6.	JPKPKP FKTM telah menghantar usul-usul KKP ke mesyuarat KKP induk UniMAP bil. 1 dan bil. 2 bagi tahun 2023. Akan tetapi, tiada sebarang maklumbalas yang diterima atas usul-usul yang dikemukakan samada diterima, ditolak atau sebagainya yang tidak dapat dikenalpastikan. Disarankan kepada COSHE yang menguruskan mesyuarat KKP induk UniMAP untuk menyediakan piagam pelanggan atau platform yang boleh menerangkan status usul kepada PTj yang menghantarkan sebarang usul.	Setiausaha
7.	JPKPKP FKTM diperuntukkan satu slot untuk melakukan apa-apa jenis promosi dalam satu program yang dianjurkan oleh KENTAL FKTM. Dicapadangkan untuk mengadakan aktiviti berikut:- <ol style="list-style-type: none"> 1. Kempen promosi fungsi JPKPKP FKTM 2. Kempen penerangan kursus-kursus kompetensi keselamatan 3. Kempen kesedaran pendaftaran bahan kimia 4. Kempen kemukakan usul KKP ke JPKPKP FKTM 5. Kempen taklimat keselamatan 	Semua
8.	Bermula sidang akademik 2023/2024, semua aktiviti PnP untuk program-program yang asalnya ditempatkan di FKTM C akan dipindahkan dan beroperasi sepenuhnya di kampus Pauh (FKTM A dan FKTM B).	Semua
	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pemindahan mesin/peralatan memerlukan latihan mesin/peralatan kepada pembantu jurutera yang baharu yang diamanahkan. 	Semua
	<ol style="list-style-type: none"> 2. Perlu adanya langkah-langkah berjaga dalam proses pemindahan bahan kimia. Pemindahan bahan kimia dengan kereta peribadi adalah dilarang sama sekali, maka digalakkan untuk membuat pendaftaran bahan kimia bagi mana-mana penyelidik yang belum melakukan pendaftaran bahan kimia agar FKTM dapat membantu proses pemindahan bahan kimia dalam keadaan yang terkawal. Pemindahan bahan kimia memerlukan pemindahan secara berperingkat berdasarkan kelas bahan kimia yang terlibat untuk mengurangkan risiko. Pasukan pengurusan bahan kimia dipohon untuk memberikan nasihat ke atas proses pemindahan bahan kimia. 	Wakil PLV kampus UniCITI & JPBK
9.	Pada mesyuarat JPKPKP FKTM bil. 4 bagi tahun 2023, setiap penyelaras perlu:- <ol style="list-style-type: none"> 1. Melaporkan rumusan aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun 2023 (termasuk yang bakal dijalankan pada hujung tahun 2023). Analisa aktiviti diperlukan untuk penambahbaikan. 2. Merancang aktiviti-aktiviti untuk tahun 2024 dan bentangkan dalam mesyuarat JPKPKP FKTM bil. 4 bagi tahun 2023. 	JPBK, JPBT, JPert & JPKM

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<p>3. Menyediakan pembentangan keperluan budget untuk tahun 2024 (sekiranya perlu).</p> <p>10. Pasukan tindak balas kecemasan yang diwujudkan hanya beroperasi pada waktu pejabat. Didapati bahawa kian banyak aktiviti-aktiviti PnP berlaku di luar waktu pejabat termasuk hujung minggu untuk kelas ko-ku. Walaupun pihak Jabatan keselamatan melakukan rondaan untuk memastikan tiada kejadian kecemasan seperti kebakaran, akan tetapi kejadian seperti kejadian membabitkan isu kesihatan, kemalangan di jalan raya sekitar kampus, dan sebagainya boleh berlaku di luar waktu pejabat. Tambahan pulak, sekira perkhidmatan perubatan diperlukan, hanya Hospital Tunku Fauziah yang terletak di Kangar yang boleh dihubungi di mana tempoh masa yang diperlukan adalah panjang. Maka adalah menjadi satu keperluan untuk wujudkan SOP kecemasan di luar waktu pejabat agar tindakan yang pantas dan betul boleh diambil dengan segera.</p> <p>11. Kad pelawat telah diwujudkan di zon C4 (FKTM A) semasa lawatan akreditasi susulan daripada latihan pengungsian bangunan untuk mengambil tahu status pelawat yang sediada sewaktu kejadian kecemasan. 10 kad pelawat diwujudkan di pejabat FKTM dan 10 kad pelawat di makmal-makmal di FKTM B juga diwujudkan susulan daripada mesyuarat antara panel dan pengurusan tertinggi berlaku di bilik mesyuarat senat yang terletak di FKTM B. Telah dipersetujui oleh dekan FKTM dan semua ahli di mana sistem kad pelawat ini akan diperluaskan dengan setiap makmal di FKTM A diperuntukkan dua salinan kad pelawat.</p> <p>12. Makmal/bengkel di FKTM A, FKTM B dan FKTM C mempunyai peraturan makmal yang tersendiri susulan daripada tiada keseragaman peraturan makmal selepas penstrukturan semula. Dicadangkan untuk mewujudkan satu jawatankuasa kecil untuk mengadakan satu bengkel yang melibatkan semua pembantu jurutera dan ketua-ketua PLV untuk draf semula peraturan makmal. Turut diminta untuk mewujudkan peraturan yang khusus untuk makmal yang menyimpan dan mengendalikan bahan kimia serta penstoran buangan terjadual dari pasukan pengurusan bahan kimia dan penyelarar-penyelarar buangan terjadual. Draft ini perlu dibentangkan dalam mesyuarat JPKPKP FKTM bil. 4 bagi tahun 2023.</p> <p>13. Usul-usul yang bakal dikemukakan ke mesyuarat JKKP induk UniMAP bil. 3 bagi tahun 2023 adalah:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Isu berkaitan dengan penambahbaikan proses pemeriksaan pemadam api 2. Isu berkaitan dengan mewujudkan SOP baharu untuk kejadian kecemasan di luar waktu pejabat 3. Isu berkaitan dengan menyediakan piagam pelanggan di COSHE serta satu platform untuk kemaskini segala usul yang dibawakan oleh PTJ yang terlibat 4. Isu berkaitan dengan kejadian pencerobohan bilik-bilik pensyarah di UniCITI 5. Isu berkaitan dengan cadangan untuk menyediakan kursus-kursus kompetensi keselamatan kepada pelajar sewaktu minggu suaikenal. 6. Isu berkaitan dengan pelan strategik UniMAP 2025 tidak mempunyai sebarang teras dan KPI yang berkaitan dengan pengurusan KKP walaupun isu-isu berkaitan dengan pengurusan KKP sepatutnya diberi keutamaan berdasarkan polisi KKP UniMAP yang sediada mahupun versi sebelumnya. Ia mencerminkan kekurangan komitmen daripada pihak pengurusan tertinggi UniMAP dan juga COSHE yang mengetuai pengurusan KKP di UniMAP. Ia kuatir akan dijadikan isu yang major sekiranya terdapat mana-mana panel yang dapat kesan perkara ini. 	<p>Setiausaha</p> <p>Setiausaha</p> <p>Semua</p> <p>Setiausaha</p>
17	<p>Penutup oleh pengerusi JPKPKP FKTM</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Ucapan terima kasih dan memohon agar semua ahli JPKPKP FKTM untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diberi. 2. Dekan menyatakan bahawa usaha JPKPKP FKTM mendapat pengakuan yang baik daripada pihak pengurusan tertinggi universiti dan pihak COSHE. 3. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12:30 tengah hari. 	<p>-</p> <p>-</p> <p>-</p>

Disediakan oleh:



(Ts. Dr. Tan Wee Choon)

Setiausaha / Pengurus JPKPKP FKTU

DR. TAN WEE CHOON

Senior Lecturer


Mechanical Engineering Programme

Faculty of Mechanical Engineering Technology

Universiti Malaysia Perlis (Unimap)

Email: tweechoon@unimap.edu.my

Disahkan oleh:



PROF. IR. DR. MOHD SHUKRY ABDUL MAJID
Dean
Faculty of Mechanical Engineering & Technology
Universiti Malaysia Perlis
shukry@unimap.edu.my












(Prof. Ir. Dr. Mohd Shukry Abdul Majid)

Pengerusi JPKPKP FKTU

MESYUARAT JAWATANKUASA KESELAMATAN, PESEKITARAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (JPKPKP)
FAKULTI KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI MEKANIKAL (FKTM)

Bil. 3-2023

Tarikh : 1 Ogos 2023 (Selasa)
Masa : 10:00 pg – 1:00 tgh
Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga, FKTM A

BIL	NAMA	JAWATAN	TANDATANGAN
1	Prof. Ir. Dr. Mohd Shukry Abdul Majid	Pengerusi	
2	Ts. Dr. Syamir Alihan Showkat Ali	Timbalan Pengerusi	
3	Ts. Dr. Tan Wee Choon	Setiausaha / Pengurus	
4	En. Hasrul Nizam Halim	Wakil Majikan (Wakil Staf Pejabat)	
5	Ts. Dr. Hj. Nor Zaiazmin Yahya	Wakil Majikan (Wakil Pensyarah)	
6	En. Masri Zairi Mohd Zin	Wakil Majikan (Wakil PLV Pauh) / Komander Insiden C4 / Penyelaras Buangan Terjadual Pauh	
7	En. Muhamad Qauyum Zawawi Ahmad Suffin	Wakil Majikan (Wakil PLV UniCITI)	
8	Ts. Muhammad Khairy Md Naim	Wakil Pekerja (Wakil Pejabat)	
9	Tc. Narzrezal Abdul Razak	Wakil Pekerja (Wakil FKTM A) / Penyelaras Keselamatan Mekanikal	
10	En. Norzarul Asri Kamis	Wakil Pekerja (Wakil FKTM B)	
11	En. Rosiswardi Rusli	Wakil Pekerja (Wakil FKTM C)	
12	Ts. Dr. Mohd Zamzuri Mohammad Zain	Penyelaras Bahan Kimia	
13	Dr. Lee Yit Leng	Pegawai Perolehan & Pendaftaran Kimia	
14	Ts. Dr. Tan Chye Lih	Pegawai Pengendalian Bahan Kimia	
15	Ts. Liyana Jamaludin	Penyelaras Buangan Terjadual UniCITI	
16			
17			